



[FOTO AZMAIDI ARDIN/ BH]

Ratu skuasy meredah belantara

» Nicol David abadikan **detik berharga bersama Orang Asli** dalam program kemasyarakatan



Oleh Bennie Zie Fauzi
bennie@bh.com.my

Ketangkasannya di gelanggang skuasy kumpama harimau menerkam mangsa, tiada belas kasihan kepada ‘musuhnya’ dalam mengutip satu demi satu mata yang mampu menerbitkan kebanggaan Malaysia, negara tanah tumpahnya.

Kala tidak memegang raket, personaliti sukan dise-

gani, Datuk Nicol David, rupanya seorang yang sarat empati dan menebal kasih sayang.

Di sebalik raut wajah yang selalu serius dan fokus, ratu skuasy ini nyata sudah lama menyimpan hasrat untuk mendekati golongan terpinggir dan kurang berasib baik.

Pelawaan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP) menjenguk masyarakat Orang Asli di Kampung Ulu Tual, Kuala Lipis, Pahang, diibaratkan oleh atlet negara ini sebagai orang mengantuk disorongkan bantal.

Tak lekang senyuman

Sedikit pun Nicol tidak merungut, walaupun perjalanan bermula seawal jam 4 pagi dari Kuala Lumpur dan mengambil masa empat jam menuju Kuala Lipis, ditambah dua jam lagi meredah hutan curam tanpa jalan berturap untuk tiba di Pos Sinderut yang menempatkan masyarakat peribumi berketurunan Semai.

Selain beramah mesra





Nicol mencabut ubi kayu di Kampung Orang Asli Tual, Pos Sinderut, Lipis.



Nicol mendengar penjelasan daripada Tok Batin, Yoke Ek mengenai bangunan serbaguna yang sedang dibina di Kampung Orang Asli Tual, Pos Sinderut, Lipis.

bertanyakan khabar dan saling bertukar cerita dengan masyarakat setempat, Nicol yang tidak lekang dengan senyuman, turut bermurah hati menyediakan ole-ole buat kanak-kanak di situ yang sentiasa mengekor setiap langkahnya.

"Sekian lama mengimpi kan aktiviti kemasyarakatan seperti ini, Kampung Tual melorongkan jalan, sekali gus memberi banyak pengalaman baharu.

"Selain berupaya melihat secara dekat cara kehidupan kaum Semai, saya bertuah kerana berpeluang menikmati kelazatan dan keaslian rasa makanannya, namun paling menyeronokkan ialah menyertai aktiviti berkelah dan mandi sungai bersama mereka," katanya yang tidak langsung menunjukkan kelebihan meskipun sehari sebelumnya, menjajakan kaki kembali ke tanah air dari Amsterdam.

Vlog istimewa

Seharian di perkampungan menempatkan 60 keluarga dengan penduduknya kira-kira 400 orang itu, Nicol yang juga duta UNDP asyik merakamkan pengalamannya menerusi telefon bimbit yang bakal diabadikan dalam video blog atau vlog peribadinya.

Perjalanan meranduk denai yang menyaksikan batang balak dijadikan jambatan, malah perlu merentas selai iaitu ladang bukit dimeriahkan dengan tanaman ubi kayu, cili juga jagung, sebelum berteru Sungai Mengukukan pemandangan seindah kanvas lukisan.

Jangan terlalu hanyut menghayati alam kerana tanpa berhati-hati melangkah, bahaya menanti sekiranya kaki terpijak atau tersepak tungkul kayu tajam yang berceracuk di sana sini.

Hampir sejam mengharrungkan landskap mencabar, kelesuan seakan-akan lenyap sebaik dapat merendamkan kaki, seterusnya membassahkan tubuh dalam air sungai yang sejuk lagi berarus tenang.

Nicol yang mengaku sudah lama tidak berpeluang bermesra dengan alam disebabkan latihan intensif dua kali seminggu yang wajib dihadirinya, tidak melepaskan peluang bermandi-manda dan menjamah makanan tradisi berupa hidangan ubi kayu dimakan bersama nasi dibalut dengan daun manakala ikan sungai menambah selera.



SELAIN BERUPAYA MELIHAT SECARA DEKAT CARA KEHIDUPAN KAUM SEMAI, SAYA BERTUAH KERANA BERPELUANG MENIKMATI KELAZATAN DAN KEASLIAN RASA MAKANANNYA, NAMUN PALING MENYERONOKKAN MENYERTAI AKTIVITI BERKELAH DAN MANDI SUNGAI BERSAMA MEREKA"

Nicol David,
Atlet Skuasy

Cenwey Penaney harapan baharu

Pusat didikan komuniti dinamakan Cenwey Penaney (CP) bermaksud tunas pintar dalam bahasa Semai, ditubuhkan bagi memenuhi beberapa keperluan masyarakat tempat itu,

Masih dalam proses pembinaan, bangunan mengetengahkan kayu-kayu asli dari hutan berdekatan serta dibina menerusi gotong-royong penduduk setempat. Pusat itu dijangka dapat melahirkan generasi celik huruf dalam kalangan kanak-kanak Orang Asli diperoleh dari pendidikan asas membaca, menulis dan mengira yang disediakan khusus untuk mereka berumur enam hingga 12 tahun.

Selesai masalah keciciran pelajar

Pusat itu juga bakal menyelesaikan masalah keciciran pelajaran pelajar sekolah rendah hingga menengah yang tidak berupaya menyambung pendidikan disebabkan pelbagai faktor, antaranya kedudukan sekolah yang terlalu jauh dari penempatan (perlu ulang-alik berjalan kaki kira-kira 20 kilometer), selain kurikulum disifatkan tidak memenuhi keperluan serta cara hidup mereka.

Ditanya mengenainya, Ketua Kampung Ulu Tual B, Tok Batin Yok Ek a/k Cantan berkata, sampai saatnya masyarakat Orang Asli di kampungnya memajukan diri, namun pada masa yang sama tidak meminggirkan adat dan budaya yang sekian lama menjadi identiti serta petunjuk hidup.

"Sebab itu, disediakan juga pendidikan khusus bagi anak muda mempelajari budaya, menghayati nilai tradisional dan warisan komuniti.

"Kami bukan Orang Asli yang menolak langsung unsur modern dan nilai dibawa dari luar, tetapi kalau boleh biarlah yang diutarakan itu mampu disesuaikan dengan budaya serta jati diri kami," katanya.